

**WARGA UK JADI DALANG
PELABURAN TAK WUJUD SAPU RM200 JUTA** MS6

Sindiket pelaburan antarabangsa tak wujud kaut RM200 juta

Kuala Lumpur: Op Tropicana dijalankan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kelmarin, membawa kepada tumpasnya satu sindiket pelaburan antarabangsa tidak wujud yang didalangi warga United Kingdom (UK).

Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki berkata, Op Tropicana dijalankan se-rentak di 24 premis termasuk tiga pusat panggilan atau *boiler room*, syarikat dan kediaman ahli sindiket di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang.

Menurut Azam, SPRM bekerjasama dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Suruhanjaya Komunikasi



Mereka menipu mangsa yang terdiri daripada warga Australia dan UK dengan memperdaya mangsa untuk membuat pelaburan tidak wujud”

Azam

dan Multimedia Malaysia (SKMM), Cyber Security Malaysia, Telekom Malaysia (TM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Lembaga Hasil Dalam Ne-

geri (LHDN). Op Tropicana dijalankan tanpa kehadiran Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Difahamkan, sindiket yang beroperasi sejak 2019 itu mengaut hampir RM200

juta daripada mangsa warga Australia dan UK malah dipercayai memberi suapan kepada pihak berkuasa supaya mereka boleh terus beroperasi.

“Mangsa akan diyakinkan untuk melabur ke dalam syarikat pelaburan yang tidak wujud.

“Ini adalah sebahagian daripada sindiket antarabangsa yang dipercayai menipu mangsa di seluruh dunia membabitkan kerugian sehingga RM1 bilion,” kata Azam.

Menurut Azam, serbuan dijalankan melalui kaedah risikan, siasatan kewangan, operasi rahsia, penyamaran dan beberapa kaedah lain.

“Risikan juga dijalankan dengan kerjasama agensi berkaitan di Australia serta beberapa negara lain. Ia juga dibuat oleh Bahagian Pengubahan Wang Haram dan Pelucutan Harta (AMLA SPRM,” katanya kelmarin.

Azam berkata, taktik sindiket adalah menawarkan portfolio pelaburan tidak wujud menerusi iklan di media sosial dan apabila mangsa mendaftar untuk skim terbabit, ahli sindiket akan menghubungi mangsa untuk memperdaya mereka.

Katanya, ahli sindiket itu terdiri daripada warga Australia, UK, Afrika Selatan dan Filipina.

“Mereka menipu mangsa

yang terdiri daripada warga Australia dan UK dengan memperdaya mangsa untuk membuat pelaburan tidak wujud,” katanya.

Sementara itu, Pengarah AMLA SPRM Datuk Mohammad Zamri Zainul Abidin yang mengetuai serbuan mengesahkan, pihaknya menahan 11 suspek yang terbabit dalam kegiatan itu manakala 70 lagi individu ditahan JIM.

“Sebanyak 74 akaun milik individu dan syarikat berjumlah kira-kira RM11 juta turut dibekukan.

“Permohonan reman terhadap semua suspek dibuat hari ini (semalam),” katanya.